

## Perspektif Pengunjung Bagi Tinjauan Pengurusan Di Taman Tamadun Islam, Terengganu

*Perspectives of visitor for management survey in Taman Tamadun Islam, Terengganu, Terengganu.*

Siti Nor Fazirah Sulaiman  
<sup>1</sup>Rosniza Aznie Che Rose

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti kebangsaan Malaysia

Correspondence email: <sup>1</sup>aznie@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Taman Tamadun Islam ialah sebuah kawasan pelancongan tersohor yang terletak di Kuala Terengganu, Terengganu. Sebagai taman yang mampu mencapai tahap pencampuran dua unsur iaitu seni warisan dan seni bina Islam yang dibuka pada 2008, taman ini menjadi antara destinasi kunjungan pelancong dalam dan luar negara. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengetahui keadaan sebenar mengenai tahap pengunjung terhadap pihak pengurusan Taman Tamadun Islam. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti kekangan yang perlu dihadapi oleh pengunjung, menilai prespektif pengunjung terhadap pengurusan infrastruktur dan mengemukakan kaedah yang dilakukan oleh pihak pengurusan dalam penerimaan pengunjung. Kaedah yang digunakan ialah kuantitatif dan kualitatif melibatkan 78 responden dan 2 informan yang dijadikan sampel bagi kajian ini. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan kekangan yang dihadapi oleh pengunjung atau orang ramai ialah keadaan reka bentuk bangunan di dalam Taman Tamadun Islam dan kadar daya tarikan yang semakin pudar sehingga menyebabkan pengunjung cepat merasakan jemu. Ini menunjukkan taman tersebut belum mencapai tahap kepuasan pengunjung. Pihak pengurusan juga dicadangkan menggunakan langkah penambahbaikan dalam memastikan pengunjung yang datang akan kembali melawat pada masa akan datang. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan bahan rujuk kepada pihak pengurusan taman dan kerajaan negeri dalam memastikan destinasi ini dalam pilihan pengunjung kawasan tarikan pelancong domestik dan antarabangsa.*

**Katakunci:** kepuasan pengunjung, pelancongan, pembinaan bangunan, taman tamadun islam

### ABSTRACT

*Taman Tamadun Islam is a famous tourist area located in Kuala Terengganu, Terengganu. As a park that is get achieve the level of mixing two elements, namely heritage art and Islamic architecture, which was opened in 2008. This park has become one of the tourist destinations in and outside the country. This study was conducted to find out the real situation on the level of visitors to the management of Taman Tamadun Islam. The objective of this study is to identify the constraints that need to be faced by visitors, assess the perspective of visitors on infrastructure management and*

*present the methods used by the management in the reception of visitors. The methods used are quantitative and qualitative involving 78 respondents and 2 informants who were sampled for this study. The results of the study show that the constraints faced by visitors or the public are the state of the building design in the Islamic Civilization Park and the rate of attraction that is fading so that visitors quickly feel tired. This shows that the park has not reached the level of visitor satisfaction. The management is also suggested to use improvement measures in ensuring that visitors will return to visit in the future. It is hoped that this study can be used as a secondary data material for the park management and the state government in ensuring this destination in the choice of visitors to domestic and international tourist attractions.*

**Keyword:** building construction, park of islamic civilization, tourism, visitor satisfaction

## 1. Pengenalan

Melalui kajian ini terdapat tiga objektif iaitu mengenalpasti kekangan yang perlu dihadapi oleh pengunjung, menilai prespektif pengunjung terhadap pengurusan infrastruktur dan mengemukakan kaedah yang dilakukan oleh pihak pengurusan dalam penerimaan pengunjung. Tarikan pengunjung mempengaruhi keadaan sekeliling serta unsur kelainan yang dilakukan dalam kawasan terbabit. Pengendalian pembangunan menjadi tumpuan masyarakat yang mengunjungi bagi melihat keistemewaan dan perbezaan lanskap yang dibawa dalam pembinaan Taman Tamadun Islam. Pengurusan yang dibawa dalam institusi taman tema itu sendiri perlu menunjukkan penonjolan dan perbezaan yang bersesuaian. Penting dalam pengurusan ini dikaitkan dengan pentadbiran dan apabila memperkatakan tentang konsep pengurusan iaitu pengurusan, organisasi dan tatacara atau garis panduan pengurusan (Muhammad Fauzi 2008).

Di Malaysia taman tema yang berunsurkan Islam masih kurang berbanding pertumbuhan pembinaan taman tema yang berunsur hiburan taman tema air atau hiburan permainan (Jabatan Lanskap Negara 2020). Ini membolehkan Terengganu mewujudkan pembinaan taman yang dapat memberi unsur pendidikan di samping keunikian pembinaan yang yang disediakan dalam pengurusan taman. Unsur pelancongan pembinaan replika monumen ini telah banyak dilakukan di negeri ini sebelum pembukaan Taman Tamadun Islam dahulu lagi bagi menarik pengunjung memahami unsur pengajaran yang baik dalam sebuah aktiviti tarikan yang dilakukan. Namun bagi menghasilkan produk yang lebih berkembang kepada pengunjung pembangunan Taman Tamadun Islam dibina.

Struktur pembinaan Taman Tamadun Islam ini telah membuka mata masyarakat sekeliling dan pengunjung dari luar melihat akan kelebihan pembinaan masjid Kristal yang menjadi Ikon pemacu pada taman tamadun dengan pembawaan kelainan rekaan bentuk pembangunan itu sendiri. Pihak pengurusan taman juga membuka satu kawasan pameran replika monumen rumah ibadat serta pembinaan masjid untuk pengunjung lebih merasai berada di kawasan taman yang membawa kepada unsur keagamaan. Namun begitu, pusat kunjungan Taman Tamadun Islam ini mengalami kekangan dari kemudahan infrastruktur sehingga mendatangkan sedikit kesanterhadap imej kawasan tumpuan kemasukan pengunjung.

Menurut Abu Bakar (2017) kegagalan penyediaan kemudahan terganggu seperti pusat ibadah, kawasan pejalan kaki, tasik buatan peralatan kemudahan senaman akan memberi kesan terhadap persekitaran dan penerimaan kehadiran pengunjung. Hanya sesetengah yang berfungsi manakala selebihnya tidak dilengkapi dengan sempurna. Pelan tindakan baru akan

sentiasa berlangsung bagi meningkatkan nilai positif dalam hasil pembinaan yang dilakukan. Pelan perancangan struktur baru dilakukan bagi memastikan pelancongan di negeri ini dapat menggunakan perkhidmatan pelancongan secara berterusan dengan dalam keadaan yang selesa dan selamat (Noraini 2018).

Selain itu, perancangan pembinaan taman yang berunsurkan replika taman mini ini telah membolehkan perubahan rupa persekitaran dari alam semulajadi kepada pembangunan. Penyediaan kawasan bagi penumpuan pengunjung penting dalam penawaran sektor pelancongan supaya lebih dikenali ramai. Taman Tamadun Islam merupakan kawasan yang membawa imej pendidikan Islam dan seni bina yang unik dalam pengurusan pihak taman. Kawasan tumpuan pengunjung ini merupakan taman kunjungan bercirikan Islam yang pertama di dunia. Ini menjadi kebanggaan kepada negeri Terengganu mampu menghasilkan pembangunan taman rehat dan kunjungan pelawat yang bercirikan keagamaan dan pendidikan. Pembukaan yang dilakukan oleh Perdana Menteri ke-5 Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi serta bersama isteri beliau telah menjadi perhatian yang sangat kagum atas penghasilan pembangunan yang mencerminkan imej agama Islam dalam panduan kehidupan. Kepelbagai program telah dijalankan oleh badan pengurusan pihak taman bagi memeriahkan suasana dan hiburan kepada pengunjung. Aktiviti keagamaan yang pernah dilakukan iaitu merupakan salah satu program yang dijalankan di Taman Tamadun Islam (Berita Harian Online 2015).

Selain itu, masalah yang berlaku dalam pengurusan taman iaitu kualiti susun atur dan kerja-kerja baik pulih yang masih kurang selengkapnya. Pengunjung yang datang melawat kurang menumpukan tarikan mereka ke bahagian dalam Masjid Kristal yang menjadi tanda aras utama dalam Taman Tamadun Islam pada awal pembukaan kerana penutupan sementara dalam pembinaan dilakukan. Hal ini, menyebabkan pengunjung tidak dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan. Keadaan ini berlaku akibat berlaku kebocoran pada bahagian masjid berkenaan sehingga dimasuki air hujan. Situasi ini tidak membolehkan pengunjung menuaikan ibadat di Masjid Kristal bagi mementingkan keselamatan pengunjung yang hadir dan menjaga imej kawasan tarikan.

Kekangan yang terdapat dalam pengurusan di Taman Tamadun Islam juga melihat pada tahap penyediaan yang masih diperangkat lemah dan tidak dijaga dengan baik. Keadaan tasik buatan yang kurang menarik dari rupa warna air takungan dan keadaan tasik yang tidak digunakan untuk melakukan aktiviti. Kerosakan yang dialami di kawasan awam atau di taman juga berkaitan dengan tingkah laku yang dari mana-mana individu yang tidak mempunyai moral. Masalah remaja kini iaitu sikap vandalisme membolehkan mereka tidak menggunakan kemudahan sebaik mungkin dan memusnahkan harta awam tanpa memikirkan kepentingan pihak lain. Perbuatan ini mampu dilakukan oleh individu atau secara berkumpulan serta sikap yang tidak bertanggungjawab semasa menggunakan kemudahan dengan baik. Akibat perbuatan vandalisme pihak pengurusan taman terpaksa mengeluarkan kos bagi pembelian dan penggantian barang baru. Tambahan aktiviti yang dilakukan di kawasan pengunjung tersebut masih dalam peringkat yang rendah akibat ketiadaan pelbagai aktiviti tambahan pula keadaan sebegini berlaku.

Pihak pengurusan berhadapan peruntukan dalam menangani kerosakan yang boleh mencecah harga yang tinggi. Operasi pembinaan semula bagi melakukan pemulihan memakan masa yang lama, tambahan kandungan bahan yang digunakan merupakan kaca dan bahan pembinaan bangunan yang lebih rumit. Jenis bahan untuk pembangunan ini bersifat lebih sensitif dan perlu memastikan pertukaran semula dengan keadaan yang teliti dan kemas. Penglibatan kontraktor turut menjelaskan dalam proses baik pulih kerana bajet yang

diterimamengalami kesukaran, tambahan kini peningkatan nilai barang yang lebih tinggi (Sharif 2021). Tambahan faktor cuaca menyebabkan struktur binaan tidak berapa tahan lama yang berada di kawasan berangin. Sekiranya masih tiada inisiatif dilakukan bagi menghidupkan semula kemungkinan kawasan ini akan sukar memperolehi sambutan pelawat. Namun, sejauhmana langkah yang akan dilakukan pihak pengurusan taman bagi mengembangkan semula pembangunan ini.

## 2. Tinjauan Literatur

Sasaran pengunjung ke kawasan yang menonjol dengan mempunyai keunikan serta daya tarikan yang terdapat di sesuatu kawasan. Kebanyakan pusat pelancongan mempunyai keistimewaan dari pembangunan yang didirikan atau secara semulajadi. Keunikan seni bina yang kebanyakannya terdapat di luar negara yang menghasilkan seni binaan yang mengagumkan dengan hasil asli iaitu dengan ukiran tangan yang mempunyai nilai setiap ukiran yang tersendiri. Ini yang menyebabkan pengunjung ingin mengetahui hasil tersebut sehingga menjadi kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan dan kini dikenali dengan muzium yang terletak di Masjid Süleymaniye, Turkey (Turkish Tourism 2021). Hal ini menyebabkan pembukaan kawasan kunjungan yang melibatkan pembinaan taman mini atau monumen replika masjid yang meliputi akan kesemua pembinaan masjid monumen untuk pengunjung mengenali serta mendalamai kesenian seni bina berunsurkan keagamaan dan pendidikan.

### 2.1 *Rentetan pengurusan bagi struktur bangunan kepada pengunjung*

#### 2.1.1 *Penyediaan kelengkapan dan langan*

Penerangan terhadap pengurusan mempunyai cara tersendiri dalam pelaksanaan yang digunakan bagi memastikan pengaturan pembangunan dari segi kelengkapan dan perkhidmatan dijalankan serta digunakan dengan baik. Responden dari aturcara yang dilakukan mampu dilihat mengambil masa yang berbeza berkembang dan pembaharuan terhadap penyediaan yang dilaksanakan. Kelengkapan yang dilakukan turut melihat kepada kemudahan infrastruktur yang menjadi kegunaan pengunjung (Fomca 2017).

Menurut dalam kajian Wan Suzita et al (2015) menyatakan alasan yang membolehkan pusat pengunjungan ramai kerana kawasan tersebut menjadi tempat yang digemari oleh orang ramai. Masyarakat lebih suka berjalan dalam kawasan yang berdekatan dengan kawasan kunjung tarikan yang lain. Hal ini disebabkan pengunjung ingin memanfaatkan masa cuti mereka dengan memenuhi ke kawasan yang mempunyai daya tarikan yang meriah. Oleh itu, penggunaan masa, tenaga dan duit menyebabkan lebih terbeban untuk ke kawasan yang berjarak jauh dengan pusat penumpuan yang lain. Pengurusan terhadap perkhidmatan yang disediakan turut mempengaruhi akan emosi pengunjung yang hadir. Kemudahan perkhidmatan dari penyediaan café, keselamatan, pengurusan dikawasan persekitaran perlu dalam keadaan yang sempurna. Perkhidmatan yang berkualiti akan meninggalkan impak positif terhadap pembangunan pusat taman. Pengunjung akan lebih peka dengan aneka komponen yang dibawa masuk dengan usaha yang dilakukan oleh pihak pengurusan taman.

Di samping itu berdasarkan Pieter (2011), menyatakan pencapaian akan ses sebuah taman harus dijaga dengan baik agar bilangan pengunjung sentiasa di tingkat yang cemerlang. Tindakan akan perincian yang lebih kecil supaya mudah untuk melihat penamaian yang perlu dijalankan. Oleh itu, penawaran dari pelaburan akan kawasan pelancongan akan terpengaruh dengan perubahan yang lebih drastik dan lebih baik. Dalam pengurusan taman

tema di di kebanyakkan negara luar mereka bersedia dalam melakukan pelaburan dalam nilai yang cukup tinggi bagi menghasilkan sebuah taman yang kelihatan menarik dimata pengunjung. Peruntukan diperlukan bagi menampung akan pembinaan dengan mencapai tahap keluasan yang berbeza bagi penyediaan kemudahan.

Kadar bilangan pengunjung direkod dengan menerima sama ada banyak atau semakin berkurang dalam penglibatan kehadiran ke pusat taman yang dikunjungi oleh pengunjung. Melalui hasil menarikterhadap kawasan tersebut memberi penekanan yang besar bagi membolehkan tarikan pengunjung untuk dilawati semasa mereka berada di sesuatu kawasan pelancongan. Kebanyakan pengunjung menggunakan masa mereka pada waktu cuti atau cuti perayaan yang membolehkan jumlah kehadiran pengunjung yang lebih ramai berbanding dengan hari bekerja akibat kekangan masa. Pelaksanaan akan faktor keistimewaan yang terdapat di taman dan menarik masyarakat mengunjungi bagi mengisi masa dengan keseronokan serta luangkan masa bersama keluarga (Wan Suzita et. al 2016).

Selain itu, tahap naik taraf yang membolehkan kehadiran pengunjung terjejas jika tidak dipantau dengan baik. Keadaan ini boleh mendatangkan impak yang buruk dengan bilangan kehadiran yang menunjukkan sama ada meningkat atau menurun. Kerja-kerja pembuatan harus disusun rapi supaya tidak mengganggu akan pengunjung. Ini juga bagi menjamin keselamatan orang ramai yang hadir kerana pengunjung terdiri dari pelbagai kategori sama ada kanak-kanak, warga emas dan peringkat usia yang lain (Norliza 2010). Kekemasan merupakan perkara yang penting bagi menjaga kualiti kawasan terutama pusat kunjungan pelancongan. Penyusunan aturan bahan binaan harus disimpan atau diletakkan dalam tempat khas yang telah disediakan.

Apabila kerja membaiki dilakukan menyebabkan sesetengah kawasan ditutup sehingga pengunjung tidak dapat berkunjung ke kawasan tertentu. Ini menyebabkan keseronokan pengunjung mungkin berubah atau sebaliknya akibat kawasan yang ingin dilawati tutup sementara atau melakukan pembelian. Namun, tahap pengawalan harus diutamakan dengan beberapa elemen yang telah dilakukan seperti penyediaan papan tanda keselamatan atau penunjuk papan tanda sebagai tanda peringatan atau menyatakan kawasan tersebut dalam pembinaan kepada pengunjung. Segala bentuk kerja perlu dalam keadaan yang selamat terutamanya jika melibatkan alat yang berbahaya. Oleh itu, pengaturan kerja memerlukan keselamatan yang teliti dan pengawasan yang rapi (Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu 2020).

### *2.1.2 Halangan pengurusan kawasan taman bagi kehadiran pengunjung*

Pihak pengurusan akan melakukan kerja baik pulih terhadap pusat taman rekreasi atau taman awam bagi memastikan keselamatan berada di tahap yang selamat tanpa berlaku sebarang kejadian bahaya terhadap pengunjung yang hadir. Penelitian terhadap bangunan ini amat penting dalam pemeriksaan pengurusan. Apabila mengalami kegagalan ini akan memberi kesan yang besar kepada pihak pengurusan dalam mendukung seperti sediakala dan keadaan untuk dibaik pulih yang memcabar. Laporan Ketua Audit Negara (2019) keadaan ini akan berpotensi dengan menghadapi akan penanggungan kos sehingga berlaku pembaziran. Oleh itu, pihak lain sepatutnya bekerjasama bagi memastikan pusat kunjungan ini tidak berada dalam situasi yang boleh menjelaskan kawasan taman. Taman Tamadun Islam akan memastikan keselamatan kepada pengunjung dalam melakukan yang terbaik jika terdapat kerosakan.

Selain itu, dalam penyelenggaraan suatu pembangunan yang sedang dijalankan terhadap rintangan yang kebiasaannya berlaku disebabkan pengurangan peruntukan. Dana


yang diperlukan diberi kebiasaan kurang dari kos yang sepatutnya diterima dan digunakan dalam kerja penyelenggaran. Oleh itu, situasi ini boleh terjadi terbengkalai projek atau penangguhan sementara. Ini menjadi kesukaran bagi pihak pengurusan untuk mengendali tambahan jika di kawasan tumpuan ramai. Berdasarkan Unit Perancangan Ekonomi (2021) terdapat beberapa peringkat dalam pengurusan pembinaan dan salah satu faktor tersebut ialah peruntukan kos dalam penyediaan bahan dan peruntukan dalam kesemua perbelanjaan. Ini menjadi cabaran kepada pihak pengurusan dalam memastikan kesemua ciri taman menepati cita rasa pengunjung serta perancangan binaan taman yang strategik.

### 3. Metodologi kajian

Oleh itu, teknik kuantitatif dan kualitatif digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan maklumat yang lebih kukuh dengan penilaian dari pengunjung dan pekerja yang berkaitan dengan Taman Tamadun Islam. Kuantitatif ini pula kebanyakannya digunakan untuk mendapatkan data dari sumber asli iaitu data yang secara langsung di lapangan kajian. Manakala kualitatif yang merangkumi akan peninjauan atau persampelan pencapaian data yang diperolehi dari sumber kedua. Cara kualitatif yang digunakan dengan penambahan maklumat kepada kajian yang dilakukan bagi mendapatkan penerangan yang lebih jelas dan terperinci dari persampelan skop yang lebih kecil.

#### 3.1 Latar belakang Kuala Terengganu

Kawasan kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji di daerah Kuala Terengganu yang merupakan ibu negeri di Terengganu. Kadar luas daerah 60 654.3 hektar yang dihuni oleh penduduk yang lebih padat berbanding di daerah lain. Kedudukan di bahagian Timur Laut Terengganu dengan ketinggian 200 – 600 meter dan 20 meter dari paras air laut Kuala Terengganu telah menerima pembangunan yang lebih cepat berbanding daerah yang lain akan aktiviti pentadbiran yang lebih tertumpu di kawasan pusat bandar dan peningkatan dalam bidang yang berlain. Tambahan kawasan Kuala Terengganu yang berada di dua muara sungai iaitu sungai Terengganu dan sungai Nerus (Majlis Bandaraya Kuala Terengganu 2021).



RAJAH 1. Peta daerah Kuala Terengganu

### 3.2 Latar belakang Pulau Wan Man

Pulau Wan Man merupakan salah satu bentuk pulau yang kecil yang terdapat di pinggir sungai Kuala Terengganu. Pada asalnya pulau ini tidak mempunyai penghuni akibat keadaan tumbuhan fizikal yang tidak sesuai bagi penempatan dan kandungan tanah yang jenis berlumpur. Namun, pulau ini telah didirikan sebagai Taman Tamadun Islam yang dibina pada tahun 2005 berukuran seluas 23 hektar yang pada mulanya di bangun untuk bandar tebingan sungai. Tetapi di bina pusat pelancongan iaitu terbina Taman Tamadun Islam yang mempunyai dua bahagian zon iaitu Kompleks Taman Tamadun Islam dan Zon Awam. Taman ini bersempadan dengan Kampung Losong dan berhampiran dengan Sungai Kuala Terengganu. Taman Tamadun Islam merupakan taman replika yang pertama di dunia yang mempamerkan sektor pelancongan kesenian dan kebudayaan Islam dan menyediakan kemudahan kepada masyarakat dan pengunjung serta daya tarikan yang berlainan.

### 3.3 Latar Belakang Taman Tamadun Islam

Penumpuan pengunjung ke kawasan yang menarik dengan mempunyai keunikan serta daya tarikan yang terdapat di sesuatu kawasan. Kebanyakan pusat pelancongan mempunyai keistimewaan dari pembangunan yang dibina atau secara semulajadi. Taman Tamadun Islam merupakan salah satu pusat tarikan pelancongan yang terdapat di Kuala Terengganu dengan pembinaan monumen replika taman mini serta bangunan masjid yang cukup terkenal dengan gaya seni bina yang berbeza. Keadaan ini menjadi tarikan terhadap pelancong dari luar baik dalam negara sendiri walaupun berlainan agama dengan kehadiran pengunjung yang datang dari pelbagai pelosok tempat.

Walaupun pusat pelancongan ini merupakan taman mini monumen rumah ibadat Islam ini tidak menghalang bagi pengunjung beragama lain untuk melewati pusat kunjung ini. Kebiasaan taman yang dikunjung oleh pengunjung akan disediakan kawasan tambahan untuk penggunaan awam yang boleh diguna kepada semua pengunjung iaitu merupakan kawasan yang tidak mempunyai had atau waktu kemasukan. Mereka turut memperolehi faedah daripada pembukaan pusat pelancongan dengan melakukan aktiviti sampingan seperti program riadah, seminar pembelajaran dibangunan yang telah disediakan oleh pihak pengurusan (Garis Panduan 2012).

Pengkaji telah memilih untuk melakukan persampelan terhadap para pengunjung yang hadir dan pekerja serta pegawai untuk dijadikan responden. Seramai 365 orang pengunjung yang telah di daftar pengunjung masuk ke Taman Tamadun Islam. Nilai populasi ini diambil mengikut bilangan bulanan pada awal tahun 2021. Kajian ini menggunakan jenis sampel pengunjung yang hadir ke Taman Tamadun Islam.

Saiz Sampel

$$N = N / 1 + n (e)^2$$

n = saiz sampel yang diperlukan

N = Jumlah Populasi (365 orang)

e = Paras Keyakinan (0.1)

$$n = 365 / 1 + 365 (0.1)^2$$

N = 365 / 4.65

N = 78 orang

#### **4. Hasil kajian dan Perbincangan**

##### **4.1 Ciri Latar Belakang Responden**

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bagi peratusan dan kekerapan pengunjung dengan mengikut jantina, umur, bangsa, agama, status, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan, negeri dan tujuan pengunjungan bagi menunjukkan nilai yang berbeza. Didapati nilai dapan hasil antara jantina lelaki dan perempuan menunjukkan nilai yang hampir seimbang. Namun pengunjung kebanyakannya terdiri daripada perempuan dengan bilangan 48 orang bersamaan 61.5% berbanding nilai kehadiran oleh lelaki dengan 38.5% dengan bilangan seramai 30 orang.

JADUAL 1. Latar Belakang Responden

Kategori	Latar Belakang	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	30	38.5
	Perempuan	48	61.5
Umur	15-34 tahun	57	73.1
	35-54 tahun	9	11.5
	55-64 tahun	9	11.5
	65 dan keatas	3	3.8
Bangsa	Melayu	72	92.3
	Cina	4	5.1
	India	1	1.3
	Lain-lain	1	1.3
Agama	Islam	74	94.9
	Buddha	3	3.8
	Hindu	1	1.3
Status Perkahwinan	Bujang	51	65.4
	Berkahwin	27	34.6
	Janda	-	-
	Duda	-	-
Tahap Pendidikan	Sekolah Rendah	-	-
	Sekolah Menengah	18	23.1
	Universiti	54	69.2
	Lain-lain	6	7.7

Sumber: Data Analisis Kajian Lapangan (SPSS 2021)

##### **4.2 Tindak Balas Responden Terhadap Pengurusan Dalam Pengunjung Taman Tamadun Islam**

Pengkaji menggunakan kaedah penilaian dengan kadar peratusan, mean dan sisihan piawai bagi mendapatkan nilai skor yang lebih tepat untuk dinilai. Mean akan dibahagi dengan skor ukuran nilai rendah, nilai sederhana dan nilai paling tinggi dengan nilai mean (Jadual 4.2).

JADUAL 2. Peratusan Penyediaan Kemudahan

Perkara	STM		TM		KM		M		SM		Mean	Sisihan Piawai
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%		
Kelengkapan bilangan kerusi	2	2.6	2	2.6	23	29.5	42	53.8	9	11.5	3.69	0.811
Penyediaan tandas awam tahap baik	3	3.8	1	1.3	13	16.7	49	62.8	12	15.4	3.85	0.839
Penyediaan tong sampah di sekitar taman	-	-	4	5.1	16	20.5	44	56.4	14	17.9	3.87	0.762
Kapasiti letak kereta yang mencukupi bagi oku dan orang awam	-	-	1	1.3	7	9.0	42	53.8	28	35.9	4.24	0.668
Struktur bangunan yang menarik yang menjadi tarikan dalam Taman Tamadun Islam	-	-	1	1.3	9	11.5	38	48.7	30	38.5	4.24	0.706
Trek pejalan kaki dalam keadaan selamat	-	-	1	1.3	6	7.7	44	56.4	27	34.6	4.24	0.648
Petunjuk arah dan papan tanda dalam keadaan jelas	-	-	2	2.6	7	9.0	44	56.4	25	32.1	4.18	0.698
Kemudahan infrastruktur di kawasan taman permainan dan tempat riadah	-	-	1	1.3	13	16.7	42	53.8	22	28.2	4.09	0.706

STM= Sangat tidak memuaskan, TM= Tidak memuaskan, KM=Kurang memuaskan, M=Memuaskan,  
SM=Sangat memuaskan

Sumber: Data Analisis Kajian Lapangan SPSS 2021

Bahagian ini terdiri daripada lapan soalan yang dianjukan kepada responden berkenaan penyediaan kemudahan dalam keselesaan penggunaan kelengkapan kepada pengunjung yang disediakan oleh pihak pengurusan.

#### 4.2.1 Kelengkapan bilangan kerusi

Pengkaji juga telah menggunakan nilai skor mean dengan kadar 3.69. Ini menunjukkan kelengkapan bilangan kerusi pada tahap yang sederhana. Bilangan kerusi seharusnya perlu mencukupi bagi menyediakan keperluan utama dengan tempat duduk yang lengkap untuk kehadiran pengunjung. Sisihan piawai mencatatkan sebanyak 0.811.

#### 4.2.2 Penyediaan tandas awam ditahap baik

Ramai yang merasakan memuaskan dengan penyediaan yang sediakan pada bahagian tandas awam. Namun terdapat pengunjung yang merasakan sangat tidak memuaskan dengan kadar peratusan 3.8%. Tahap penyediaan tandas yang masih terdapat kekurangan. Pada nilai mean mencatatkan 3.85 dengan tahap sederhana dan sisihan piawai 0.839.

#### 4.2.3 Penyediaan tong sampah di sekitar taman

Kelengkapan tong sampah dapat disediakan dengan mencukupi. Namun terdapat pengunjung yang juga memberi tindakbalas dengan tidak memuaskan pada nilai dua dan peratusan sebanyak 5.1%. Bagi kurang memuaskan 20.5% dengan 16 responden serta sangat memuaskan pada peratusan 17.9%. Masing-masing menunjukkan nilai peratusan yang berbeza. Oleh itu nilai mean yang memcatatkan dengan 3.87 juga pada sederhana diikuti sisihan piawai sebanyak 0.839.

#### 4.24 Kapasiti letak kereta yang mencukupi bagi oku dan orang awam

Ruang kapasiti kenderaan disediakan di sekeliling kawasan taman dan jarak keberadaan kereta yang sedikit jauh jika terdapat ramai pengunjung yang hadir. Nilai mean menunjukkan 4.24 pada anggaran paling tinggi dan sisihan piawai pula dengan 0.668 (Jadual 4.2).

#### 4.2.5 Struktur bangunan yang menarik menjadi tarikan dalam taman tamadun islam.

Pengunjung merasakan struktur binaan yang dibina sangat menarik dan terdapat kelainan dengan pusat pengunjung taman di kawasan Malaysia. Kebanyakan pengunjung masih memberikan tahap memuaskan pada struktur bangunan yang menarik yang terdapat dalam Taman Tamadun Islam. Nilai mean menunjukkan nilai tahap tinggi dengan 4.24 dan sisihan piawai dengan 0.706.

### 4.3 Menguji Tahap Pengunjung Dalam Pengurusan Taman Tamadun Islam

Pada bahagian ini terdapat penilaian ke atas kepuasan pengunjung melalui tarikan komponen yang terdapat di TTI, gaya promosi yang dilakukan dalam menarik pengunjung yang hadir dan daya persekitaran yang diuruskan oleh pihak pengurusan.

JADUAL 3. Tarikan Komponen

Perkara	STS	TS	KS	S	SS	Mean	Sisihan Piawai
Berdekatkan dengan kawasan tarikan pelancongan yang lain	-	1 (1.3%)	12 (15.4%)	46 (59.0%)	19 (24.4%)	4.06	0.671
Struktur monumen taman mini replika yang menarik	-	-	2 (2.6%)	53 (67.9%)	23 (29.5%)	4.27	0.501
Memperolehi kepelbagai info maklumat dan pendidikan semasa berkunjung	-	2 (2.6%)	8 (10.3%)	41 (52.6%)	27 (34.6%)	4.19	0.722
Aktiviti yang disediakan oleh pihak pengurusan adalah mengikut cita rasa pengunjung (memanah dan berbasikal)	-	-	12 (15.4%)	45 (57.7%)	21 (26.9%)	4.12	0.644
Penyediaan bot persisiran yang membolehkan pengunjung melewati taman di bahagian tepi sungai	-	-	2 (2.6%)	48 (61.5%)	28 (35.9%)	4.33	0.526
Pembinaan struktur taman yang strategik bagi pengunjung untuk melancong	-	-	14 (17.9%)	38 (48.7%)	26 (33.3%)	4.15	0.704
Pengendalian pusat tarikan dari segi teknikal	-	-	20 (25.6%)	37 (47.4%)	21 (26.9%)	4.01	0.730
Penyediaan kawasan tarikan sampingan yang kurang	-	-	11 (14.1%)	46 (59.0%)	21 (26.9%)	4.13	0.632

STS= Sangat tidak setuju, TS= Tidak setuju, KS=Kurang setuju, S=Setuju, SS=Sangat setuju

Sumber: Data Analisis Kajian Lapangan (SPSS 2021)

#### 4.3.1 Berhampiran dengan kawasan tarikan pelancongan

Taman Tamadun Islam sememangnya terletak berhampiran dengan kawasan tarikan yang lain. Pengunjung akan lebih jimat masa untuk berkunjung ke dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Namun terdapat beberapa analisis tidak setuju dengan 1.3% dengan kurang setuju iaitu 15.4%. Nilai mean yang menunjukkan TTI masih dalam lingkungan kawasan pelancongan iaitu nilai mean 4.06 dan sisihan piawai 0.671.

#### 4.3.2 Struktur monumen taman mini replika yang menarik

Foto 1.6 reka bentuk tersebut berunsurkan seni bina ukiran dan bentuk buatan mini masjid atau monumen. Pada taman mini tersebut mempunyai pembinaan masjid yang sangat terkenal dan bersejarah manakala bagi jumlah mini replika sebanyak 23 monumen. Reka bentuk yang berbeza mampu membawa kelainan kepada pengunjung dan perbezaan dengan corak bangunan yang menarik.

FOTO 1. Monumen replika Masjid Sulaimaniyah



Sumber: Kajian lapangan 2021

#### 4.3.3 Memperolehi kepelbagai info maklumat semasa berkunjung

Taman Tamadun Islam menjelaskan kepada pengunjung dari segi struktur binaan bangunan yang ditonjolkan. Penyebaran maklumat tentang keindahan pendidikan melalui seni bentuk dalam bangunan masjid, pendidikan ke atas unsur keagamaan walaupun seni bentuk yang berlainan. Nilai mean menunjukkan tarikan pengunjung dalam memperolehi ilmu pembelajaran yang menepati akan cita rasa pengunjung. Di samping itu, pengunjung akan lebih mengetahui akan sejarah Islam dan perkembangan pembinaan dalam unsur agama tersebut dan dicatat nilai sisihan piawai 0.722.

#### 4.3.4 Penyediaan aktiviti yang disediakan oleh pihak pengurusan (memanah & berbasikal)

Nilai mean dengan 4.12 dengan kadar yang agak tinggi yang menunjukkan pengunjung bersetuju dengan aktiviti basikal dan memanah dan sisihan piawai 0.644. Pengunjung dapat melakukan aktiviti yang berbeza dengan mengikut kehendak diri mereka sendiri. Hal ini kerana aktiviti tambahan ini disediakan bagi pengunjung tidak merasaka jemu dengan tontonan yang sama. Pengunjung dapat bersiar-siar dalam taman dengan menggunakan alatan iaitu basikal bagi bergerak untuk mengelilingi dalam kawasan taman.

#### 4.3.5 Penyediaan bot persisiran bagi pengunjung melawati taman berhampiran sungai

Berdasarkan penilaian keseluruhan menunjukkan pengunjung amat menyukai akan penyediaan bot persisiran yang disediakan. Pengunjung bukan sahaja dapat berkunjung

dengan melihat monumen malahan turut dapat menaiki bot persisiran dengan menyusuri di bahagian Sungai Kuala Terengganu. Nilai mean juga tinggi dengan nilai 4.33 dan sisisian piawai 0.526.

#### 4.3.6 *Pembinaan struktur taman yang menarik bagi pengunjung*

Di dalam taman tersebut terdapat beberapa bahagian untuk pengunjung lawati iaitu bangunan permulaan untuk taman monumen dan di ikuti bangunan konvensyen yang dapat pengunjung gunakan dengan melakukan penempahan dalam sebarang majlis. Pembinaan tarikan utama dalam taman iaitu Masjid Kristal yang berada di akhir penyusuran jalan keluar. Namun terdapat pengunjung yang kurang setuju dengan 17.9% merasakan struktur taman tidak sepenuhnya dalam keadaan yang baik dan terdapat masalah pada struktur bangunan. Mean dengan 4.15. Nilai mean menunjukkan pembinaan struktur taman masih mampu untuk pengunjung merasakan Taman Tamadun Islam dalam keadaan yang strategik.

### 5. Rumusan

Pusat kunjungan yang merupakan kawasan pelancongan kepada orang ramai untuk mengenali dengan lebih dekat berkenaan apa yang terdapat di Taman Tamadun Islam ini. Kualiti yang dibawa salam pengurusan juga boleh mengalami perubah jika tidak dipantau dengan baik dan mampu mewujudkan taman yang meriah. Pusat kunjung yang menarik akan memberi kesan bagi pandangan pengunjung yang hadir dengan melihat dari pelbagai sudut.

Penerimaan pengunjung dalam pengurusan sememangnya akan memberikan kesan yang baik atau sebaliknya. Hal ini juga akibat pengunjung yang melewati taman tersebut sama ada mereka dapat memperoleh memori yang menarik dan terdapat juga yang hanya sekadar bersiar-siar untuk memenuhi kawasan kunjungan mereka. Tetapi infrastuktur dan perkhidmatan yang disediakan juga perlu sepadan dengan tanggapan pengunjung. Jika keadaan taman yang kurang menarik mampu mendatangkan perspektif pengunjung akan berubah minat dan ini akan menjadikan mereka tidak mahu mengunjungi bagi kali ke dua.

### Penghargaan

Terima kasih kepada semua yang telah menjayakan program ini. Saya disini jutaan terima kasih terutama kepada ketua program iaitu Dr. Junaidi Awang Besar dan selaku penyelia saya iaitu Dr. Rosniza Aznie Che Rose yang banyak membantu dari segi sumbangan idea dan dana dalam penyelidikan.

### Rujukan

- Abu Bakar Mohamed Salleh. (2017). *Inisiatif Pelaksanaan Komponen Pengurusan Fasiliti Taman Botani*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Berita Harian Online. (2015). Taman Tamadun Islam Jadi Tempat Kursus Haji Perdana. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/10/89604/taman-tamadun-islam-jadi-tempat-kursus-haji-perdana>. [25 Januari 2021].
- Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan. (2020). Dasar Lanskap Negara. Jabatan Lanskap Negara.

- Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu. (2020). Dokumen Sebut Harga.
- Laporan Ketua Audit Negara. (2019). Pengurusan Pusat Pelancongan Negeri Perlis. Jabatan Pertanian Negeri Perlis.
- Malaysia. (2012). Buletin Rancangan Pulau Pinang. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.
- Mohammad Fauzi. (2008). *Pengurusan: Definisi Sejarah Dan Konsep Siri 1*. Universiti Pengurusan Profesional (UniProf).
- Norliza Shahabudin. (2010). *Kebersihan Tapak Pembinaan*. Fakulti Alam Bina. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Pieter C.M. Cornelis. (2011). A Management Perspective on the Impact of New Attractions. *Journal of Vacation Marketing* 17(2):151-162.
- Portal Rasmi Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2021). Infrastruktur & Kemudahan Awam. Unit Perancangan Ekonomi. <https://www.epu.gov.my/>. [3 March 2021].
- Sharif Iskandar. (2021). Masjid Perlu Dana Sebanyak RM8 Juta. <https://www.sinarharian.com.my/>. [15 Januari 2021].
- Turkish Tourism Portal. (2021). Istanbul-Turkish Islamic Arts Museum. <https://www.ktb.gov.tr/EN->. [3 March 2021].
- Wan Suzita Wan Ibrahim, Rosilawati Zainol, Siti Nor Awang, Kamal Solhaimi Fadzil & Juli Edo. (2015). Pelancongan dan Pembangunan Setempat di Malaysia: Data analisis SWOT Royal Belum sebagai Ekopelancongan. *Malaysia Journal of Society and Space* 11(13), 115-130.